

Headline	Kelainan Taman Botani Kepong		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	28 Jun 2016	Circulation	1,270,667
Section	Setempat	Readership	3,812,000
Page No	42	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 8,987
Journalist	N/A	PR Value	RM 26,961
Frequency	Daily		



# Kelainan Taman Botani Kepong

**Kuala Lumpur:** Kunjungan ke FRIM kurang lengkap jika tidak mengunjungi Taman Botani Kepong (KBG) yang sememangnya terkenal dalam kalangan pencinta alam semula jadi dan juga pengguna rekreasi.

Taman indah seluas hampir 80 hektar berkenaan mempunyai keistimewaan tersendiri kerana menempatkan ratusan jenis tumbuhan terdiri daripada pokok hutan yang bernilai konservasi, koleksi pokok buluh, tumbuhan herba, bunga-bunga dan sebagainya.

Namun, tahukah anda bahawa semua penjagaan dan penyelenggaraan taman seluas itu bukan semudah yang disangka kerana ia memerlukan pasukan penyelenggara yang berpengalaman serta berpengetahuan luas berkaitan penjagaan tumbuhan terutama jenis landskap.

Pegawai Penyelidik merangkap Ketua Program Taman Botani Kepong Adnan Mohamad berkata, tanggungjawab menyelenggara taman berkenaan bukan mudah, namun dengan komitmen rakan sepasukan, ia dapat dilaksanakan mengikut

perancangan.

"Taman ini bukan saja menempatkan ratusan jenis tumbuhan seperti pokok buah-buahan nadir, herba dan bunga-bunga, malah juga menjadi habitat fauna."

"Jadi, penjagaan dan penyelenggaraan yang sesuai perlu digunakan bagi memastikan tumbuhan terus subur meskipun ketika negara dilanda cuaca panas," katanya.

Menurut Adnan lagi, beliau sering 'bercakap' dengan pokok yang dijaga kerana percaya dapat mendekatkan lagi hubungan dengan tumbuhan berkenaan.


Ini kerana, seperti manusia, tumbuhan juga akan menghadapi tekanan jika penjagaan atau habitatnya berubah daripada kebiasaannya.

"Jika sesuatu tumbuhan itu mengalami tekanan, kita boleh kenal pasti melalui ranting, dedaun atau bunga yang dikeluarkan sama ada mempunyai corak, saiznya sama seperti kebiasaannya atau tidak."

"Tekanan berkenaan tidak boleh dibiar kerana jika berterusan, ia boleh menyebabkan tumbuhan itu tidak subur, tidak dapat bertahan lama dan seterusnya mati," katanya.



Headline	Kelainan Taman Botani Kepong		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	42	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,987
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,961



**ADNAN memeriksa tumbuhan yang terdapat di Taman Botani Kepong.**